

13/10/2003

Keunikan taman kagumkan dunia

TAMAN Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam dicetuskan Menteri Pertanian ketika itu, Datuk Seri Sanusi Junid (sekarang Tan Sri) pada 1989 pernah muncul destinasi kedua paling popular dilawati selepas Kuala Lumpur.

Pada awal pembukaannya, taman yang sebelum itu dikenali Taman Pertanian Bukit Cerakah menerima lebih 1.6 juta pengunjung dan bertambah dari semasa ke semasa.

Selepas hari pembukaan pada 17 Ogos 1989, dianggarkan 15,000 pengunjung datang dan meningkat sehingga 100,000 pengunjung beberapa hari selepas itu.

Selepas dibuka semula bagi membaik pulih kemudahan awam selama dua bulan, kedatangan pengunjung bertambah dua kali ganda.

Ketika itu, Kementerian Pertanian berjaya merealisasikan impian warga kota yang mahu mengimbau kembali nostalgia dengan mewujudkan persekitaran kampung lengkap kolam ikan, kandang kerbau, ayam itik berkejaran dan bunyi gugur buah durian pada tengah malam di taman itu.

Ia juga memberi peluang kepada generasi muda yang tidak pernah memijak sawah atau digigit lintah merasai kehidupan desa walaupun seketika.

Pengunjung boleh mengelilingi taman dengan menaiki koc khas berbentuk serambi rumah kampung yang diilhamkan Mohd Azali Hashim sambil mendengar kicauan burung di taman burung, selain melihat taman rusa dan ladang replika.

Sultan Selangor ketika itu, Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah selepas mengisytiharkan nama baru Taman Pertanian Bukit Cherakah pada 1991 bertitah, taman pertanian itu menjadi mercu tanda kebanggaan Selangor, rakyatnya dan Malaysia.

Taman itu dimajukan sebagai tempat pelancongan dan pusat ilmiah bidang pertanian. Ia bukan saja sebuah 'universiti', malah pusat rujukan dan sumber maklumat peladang, penternak serta nelayan untuk mendalami, mempelajari dan mengikuti kemajuan sektor pertanian secara lebih menyeluruh termasuk teori dan amali.

Taman seluas 856 hektar itu menjadi kawasan paling istimewa dan unik di dunia seperti Taman Kew di England, Taman Tivoli, Itali dan Disneyland di Amerika Syarikat. Ia menggabungkan kehidupan alam semula jadi dan ciptaan manusia dengan tumbuh-tumbuhan liar, haiwan dan unggas, pokok bunga dan buah-buahan.

Ia dilengkapi kolam ternakan air tawar, taman orkid liar, perkampungan Orang Asli dan kawasan perkhemahan serta kemudahan penginapan dengan menjadikan tempat penyelidikan teknologi, rekreasi serta taman yang mencerminkan keseluruhan suasana pertanian, perhutanan dan sebagai tempat perkelahan.

Kewujudan Rumah Iklim Sederhana Empat Musim yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1988 adalah yang pertama dibina seumpama itu di dunia.

Salji putih bersih setebal 10 sentimeter menutupi tumbuhan dan sebahagian permukaan kawasan rumah itu antara pengalaman menarik di situ.

Taman itu dulu turut menjadi tarikan pengunjung Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun. Antara tetamu besar ialah Maharaja Akihito dan Maharani Michiko dari Jepun pada 1991.

Beberapa penyelidik luar yang mengunjungi taman berkenaan kagum dengan keunikannya, selain kemampuan Malaysia mereka cipta taman seumpama itu.

Naib Presiden Kedua Zimbabwe, Dr Joshua Nkomo, berkata taman itu adalah warisan penting untuk kemanusiaan, khususnya dalam usaha mengekalkan alam semula jadi.

Beliau melahirkan rasa bangga kerana Malaysia berusaha mewujudkan tanam khas untuk pelbagai usaha dalam bidang penyelidikan pertanian, termasuk penyelidikan dan rekreasi.